



KERATAN AKHBAR
----------------

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA
TARIKH	:	8/2/2017
JABATAN	:	NRE / JMG / PTG / BAUKSIT
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>

## Perangkap maut tapak lombong bauksit

**T**IDAK habis-habis dengan aktiviti perlombongan bauksit di Kuantan. Sebelum ini, masyarakat setempat dihimpit pelbagai masalah ekoran kegiatan itu. Antaranya pencemaran udara, menjejaskan kualiti kesihatan dan penglihatan serta ekonomi penduduk di samping risiko keselamatan pengguna jalan raya.

Berikutan itu, Kabinet mengenakan moratorium bagi menghentikan sementara kegiatan perlombongan bauksit di negeri ini. Kali ini, aspek keselamatan orang awam pula menjadi perhatian apabila bekas lombong bauksit meragut nyawa. Sudah empat orang menjadi korban setakat ini.

Dalam kejadian terbaharu kelmarin, tiga kanak-kanak termasuk dua beradik ditemukan lemas di dalam 'kolam' bekas lombong bahan mineral tersebut di Taman Sungai Karang Jaya. Lokasi itu dikatakan bukan kawasan bekas lombong bauksit yang diluluskan kerajaan negeri.

Dalam kejadian berkenaan, si kakak berusia 12 tahun cuba membantu adiknya mengambil seluar yang tertinggal di kolam berkenaan namun gagal. Melihat kakaknya terkapai-kapai, si adik yang berusia tujuh tahun cuba membantu bersama seorang lagi kanak-kanak berusia 10 tahun. Malangnya, ketiga-tiga kanak-kanak itu menjadi mangsa 'perangkap maut buatan manusia' yang meragut nyawa mereka.

Di lokasi kejadian, tiada pagar atau papan tanda amaran dipasang oleh pengusaha lombong atau tuan tanah. Hakikatnya, banyak bekas lombong bauksit yang tidak berpagar berada dekat dengan kawasan perumahan.

Kejadian kelmarin adalah kes kedua dilaporkan sejak aktiviti perlombongan bauksit aktif beroperasi pada 2014. Kes pertama dilaporkan pada 31 Oktober 2015 melibatkan seorang pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Felda Bukit Goh yang mati lemas ketika mandi di bekas lombong bauksit di Ladang Makmur Bukit Goh.

Rentetan itu, pelbagai pihak menyuarakan kebimbangan tentang kemungkinan kejadian sama berulang. Persoalan tentang sejauh mana aspek keselamatan di kawasan bekas perlombongan bauksit dibangkitkan?

Namun kejadian itu tidak dijadikan iktibar oleh pihak-pihak berkaitan apabila perkara yang dibimbangi berlaku juga. Kegagalan memastikan jaminan keselamatan di kawasan itu seolah-olah sengaja mengundang ajal.

Dua kes yang mengorbankan empat nyawa ini menunjukkan betapa aspek keselamatan orang awam di tapak aktiviti perlombongan bauksit yang kini dalam tempoh moratorium perlu dititikberatkan.

Setiap lombong bauksit yang dikorek dan tidak ditimbus kembali akan menjadi kolam terbiar sekali gus mengancam keselamatan orang awam. 'Kolam' ini pula ada yang ketinggian tebingnya mencecah lima meter, mengundang bahaya kepada orang ramai khususnya kanak-kanak jika terjatuh. Apatah lagi ketika musim tengkujuh yang menyebabkan lebih banyak air bertakung.

Risiko nyawa orang awam menjadi taruhan apabila aspek keselamatan tidak diberi perhatian serius. Tanpa ciri-ciri keselamatan seperti pagar atau papan tanda amaran, tapak lombong boleh menjadi perangkap maut!

Titah Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota, Tengku Abdullah Sultan Ahmad agar pihak bertanggungjawab menutup bekas lombong bauksit untuk mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini, harus diambil serius dan disusuli tindakan segera. Titah baginda agar tapak lombong bauksit ditimbus semula juga perlu disambut secepat mungkin.

Pada masa sama, satu prosedur operasi standard (SOP) perlombongan lebih ketat perlu diperkenalkan dengan mengambil kira syarat-syarat seperti menimbus semula, memagar kawasan dikorek dan memasang papan tanda amaran.

Namun, sehingga artikel ini ditulis petang semalam, pihak berkaitan belum memberi respons terhadap arahan berkenaan. Keadaan itu mendorong penduduk Taman Sungai Karang Jaya mengambil inisiatif sendiri membina aliran bagi mengeringkan air di 'kolam' bekas lombong bauksit yang meragut tiga nyawa kanak-kanak malang itu sebelum ditimbus.

Di mana pihak yang sepatutnya bertindak? Dalam hal ini, jaminan keselamatan orang awam perlu diutamakan. Semua pihak perlu bertegas dan lebih proaktif memastikan bekas lombong bauksit tidak menjadi perangkap maut.

Jangan berlegh lagi, ambil iktibar dan bertindaklah segera!